

UTUSAN
MALAYSIA

HAMIS • 22.08.2019

Mega
wira

f mega utusan malaysia

MEMADAM kebakaran melibatkan sebuah teksi di Jalan SPPK, Kuala Lumpur di sini hari ini. GAMBAR - IHSAN BOMBA

Api misteri di bengkel kusyen

PELIK tetapi benar. Itu pengalaman Pasukan A Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sri Hartamas, Kuala Lumpur yang terlibat dalam operasi memadam kebakaran bengkel kusyen selama lima hari berturut-turut di Segambut Dalam, Januari lalu.

Penyelia Pasukan A, Pegawai Bomba Kanan II, Abu Hassan Ibrahim berkata, bengkel membaiki kusyen itu terletak dalam kawasan setinggan.

Operasi berjalan seperti biasa sehingga kebakaran dapat dipadam sepenuhnya di bengkel itu.

Pasukan itu turut

ABU HASSAN IBRAHIM

melakukan kerja-kerja 'overhaul' bagi memastikan tiada lagi punca yang boleh menyebabkan kebakaran berulang.

"Walaupun bagaimanapun, ketika dalam perjalanan pulang ke balai, seorang daripada anggota yang terlibat dalam operasi tersebut secara tiba-tiba mendiadakan diri.

"Apabila ditegur dia mengeraskan badannya seakan-akan dirasuk. Tiga anggota lain cuba mengangkatnya, namun gagal," katanya ketika ditemui *Mega Wira* di BBP Sri Hartamas baru-baru ini.

Menceritakan lebih lanjut, Abu Hassan memberitahu, anggota tersebut berjaya ditenangkan selepas

dibacakan ayat-ayat suci al-Quran.

Keesokan harinya mereka menerima panggilan kecemasan daripada pemilik bengkel yang sama memaklumkan kebakaran berlaku lagi di premis tersebut.

"Kami agak hairan kerana pemeriksaan secara terperinci telah dilakukan pada hari pertama operasi memadam kebakaran di bengkel tersebut yang musnah 100 peratus.

"Apabila tiba, memang benar berlaku lagi kebakaran di bengkel tersebut dan pemiliknya mendakwa terdapat api keluar dari runtutan dinding batu-bata bangunan. Kerja-kerja memadam kebakaran dilakukan sehingga selesai, tetapi kejadian sama berulang sehingga lima hari dan puncanya masih

BALAI Bomba dan penyelamat Sri Hartamas sentiasa memberikan latihan kepada orang awam bagi menghadapi insiden-insiden kecemasan.

misteri," katanya.

Dalam pada itu Abu Hassan berkata, secara keseluruhannya, BBP Sri Hartamas diketuai oleh Timbalan Penguasa Bomba Rodzlan Othman dan mempunyai 33 pegawai bomba dan dibahagikan kepada tiga pasukan.

Jelasnya, pasukan A terdiri daripada 11 pegawai termasuk seorang penyelia yang terlibat dalam operasi memadam kebakaran, kemalangan dan kerja-kerja penghapusan bahaya kebakaran di premis-

premis sebagai langkah-langkah pencegahan dan keselamatan.

"Tidak kurang 10 pemeriksaan premis dilakukan dalam tempoh sebulan oleh pasukan ini bagi mematuhi Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam. Pemilik premis turut dinasihatkan agar meningkatkan tahap keselamatan bagi mengelak kebakaran dan kematian," katanya.

>> Lihat muka 24